

ISU-ISU SYARIAH TERHADAP BITCOIN: SATU SOROTAN AWAL

Fakhri Bin Sungit
Pensyarah, Fakulti Syariah & Undang-undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
fakhri@kuis.edu.my

Khairul Anuar Bin Ahmad
Pensyarah, Fakulti Syariah & Undang-undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Matawang kripto merupakan salah satu inovasi teknologi kewangan yang wujud pada era moden kini. Salah satu matawang kripto yang paling popular ialah Bitcoin. Jumlah nilai pasaran modal Bitcoin ketika ini mencecah USD171 bilion. Jumlah yang besar ini menunjukkan minat masyarakat seluruh dunia untuk menyimpan dan menggunakan matawang ini sebagai aset dan alat pertukaran. Di sebalik kewujudan Bitcoin, terdapat pandangan yang menganggap Bitcoin boleh mengancam industri perbankan dan kewangan dunia yang menggunakan wang fiat sebagai matawang yang sah. Tambahan pula, terdapat isu-isu berkaitan hukum yang dibincangkan oleh pakar kewangan Islam untuk menjelaskan kedudukan Bitcoin sebagai matawang. Namun, nilai matawang Bitcoin yang sentiasa meningkat dan tidak berpusat menyebabkan orang ramai teruja untuk menyimpan dan memilikinya dengan mudah. Artikel ini bertujuan untuk membuat sorotan awal terhadap isu-isu Syariah yang boleh dibangkitkan terhadap matawang Bitcoin. Hasil sorotan awal ini juga dapat dijadikan bahan rintis untuk kajian selanjutnya terhadap inovasi teknologi kewangan khususnya matawang Kripto secara mendalam.

Katakunci: *Bitcoin, matawang, Kripto, Syariah dan kewangan.*

1.0 Pengenalan

Bitcoin merupakan matawang kripto pertama yang wujud sekitar tahun 2009. Matawang ini merupakan matawang pertama yang menggunakan teknologi *blockchain* iaitu teknologi yang berasaskan sumber yang terbuka (*open source*). Penggunaannya amat meluas dan digunakan oleh pengguna seluruh dunia termasuk Malaysia. Oleh kerana matawang kripto ini telah diterima penggunaannya oleh masyarakat dunia, maka muncul pula matawang-matawang lain yang menggunakan teknologi yang sama sebagai alternatif kepada bitcoin. Berdasarkan data yang diambil daripada *coincap.io* (diakses pada 27 Oktober 2017), terdapat lebih daripada 899 matawang kripto yang wujud, tidak termasuk matawang yang masih dalam ICO¹. Berdasarkan jumlah ini, dianggarkan matawang kripto akan mencapai lebih daripada 1000 jenis menjelang tahun 2018. Jumlah nilai pasaran modal pula mencapai lebih USD171.63 bilion dan dijangka akan mencapai lebih daripada USD500 bilion sekitar tahun 2018. Manakala jumlah urusniaga matawang kripto dianggarkan sekitar USD5.8 bilion dalam sehari. Di antara semua matawang kripto yang wujud, bitcoin merupakan matawang utama dan paling popular yang berkongsi pasaran modal terbesar iaitu sekitar 74%.

¹ ICO atau *Initial Coin Offering* merupakan istilah yang digunakan dalam industri matawang kripto. ICO merupakan satu cara untuk mengumpul dana untuk digunakan dalam projek pembangunan atau aplikasi baru dalam *blockchain* sebelum ianya dipasarkan ke seluruh dunia di *coin market capitalization*. Konsep ICO ini kelihatannya sama dengan IPO atau *Initial Public Offering*, yang kebiasaannya berlaku di dalam bursa saham.

Memandangkan masyarakat di Malaysia sudah mula mengenali bitcoin dan menggunakannya, maka terdapat persoalan-persoalan lazim khususnya daripada masyarakat muslim yang menjurus kepada persoalan hukum penggunaannya. Oleh yang demikian, penulis telah menetapkan objektif terhadap penulisan ini sebagai respon awal iaitu (i) mengenali sifat bitcoin, (ii) menganalisis isu syariah yang boleh dibangkitkan terhadap sifat bitcoin, dan (iii) menganalisis sisi kelebihan dan kekurangan yang boleh atau kebarangkaliannya berlaku kepada bitcoin.

Berdasarkan kepada objektif di atas, secara umumnya kertas ini tidak mencadangkan hukum penggunaan bitcoin secara mutlak, tetapi sekadar untuk melontarkan beberapa isu-isu syariah yang boleh diketengahkan berdasarkan kepada sifat yang wujud terhadap bitcoin. Selain itu, penulisan ini tidak membahaskan secara terperinci tentang aspek teknikal bitcoin yang memerlukan kajian teknologi yang mendalam. Ianya bersesuaian dengan tajuk di dalam penulisan ini iaitu “Isu-Isu Syariah Terhadap Bitcoin: Satu Sorotan Awal”. Maka penulisan ini lebih sesuai sebagai kertas kajian rintis sebelum ada kajian yang mendalam terhadap bitcoin dan hukum penggunaannya sebagai matawang.

Apakah itu Bitcoin?

Terdapat pelbagai definisi bitcoin yang boleh didapati daripada sumber laman sesawang. Walaubagaimana pun, tiada definisi khusus kerana bitcoin dilihat sebagai teknologi yang masih baru dan penggunaannya yang terhad kepada kelompok tertentu sahaja serta kedudukan matawang ini yang melawan arus perdana. Secara umumnya bitcoin tercipta melalui beberapa siri idea dan konsep yang memberi alternatif kepada matawang tradisional seperti fiat yang dianggap mempunyai kelemahan daripada aspek-aspek tertentu². Menurut Antonopoulos (2015):

“Bitcoin is a collection of concepts and technologies that form the basis of a digital money ecosystem. Units of currency called Bitcoins are used to store and transmit value among participants in the Bitcoin network”.

Bitcoin juga merupakan sejenis matawang digital yang diciptakan secara tidak berpusat (*decentralized currency or stateless*) kerana ianya tidak melibatkan mana-mana negara atau pihak berkuasa kewangan negara yang mengawalinya Walaubagaimana pun bitcoin tidak juga bersifat matawang peribadi kerana ianya tidak dikeluarkan oleh mana-mana individu, syarikat, pertubuhan atau organisasi yang mana ianya terdedah kepada risiko kebangkrapan atau kegagalan ekonomi institusi tersebut. Pedro Franco (2016) menyatakan:

“Bitcoin is a decentralized digital currency. This means there is no person or institution behind it, either backing it or controlling it. Neither is it backed by physical goods, such as precious metals”.

Margaret Rouse (2017) pula mengatakan:

“Bitcoin is a digital currency (also called crypto-currency) that is not backed by any country's central bank or government. Bitcoins can be

² Bitcoin telah dicipta oleh satu nama yang tidak dikenali iaitu Satoshi Nakamoto. Di kalangan komuniti matawang kripto, Satoshi Nakamoto masih dianggap misteri kerana tidak diketahui sama ada ianya adalah seseorang atau sekumpulan individu. Oleh kerana teknologi *blockchain* menggunakan *open source system*, maka pencipta kepada matawang kripto ini amat sukar untuk dikenalpasti.

traded for goods or services with vendors who accept Bitcoins as payment”.

Berdasarkan beberapa definisi yang diberikan, dapat diberi kesimpulan bahawa bitcoin merupakan sejenis matawang digital, mempunyai nilai untuk tujuan pertukaran (*exchange*) di kalangan ahli-ahli yang memilikinya (*peer-to-peer*), serta tidak berpusat (*decentralized*).

Bagaimana Bitcoin berlaku?

Tiada catatan khusus tentang sejarah bitcoin. Dalam kebanyakan penulisan di blog dan laman sesawang berkenaan matawang kripto mengatakan bahawa bitcoin mula digunakan pada tahun 2009. Pencipta bitcoin masih kekal misteri sehingga kini kerana tiada individu yang tampil mengaku sebagai penciptanya. Cuma nama yang menjadi sebutan sebagai Satoshi Nakamoto didakwa pencipta kepada bitcoin.

Bitcoin merupakan matawang digital yang berasaskan teknologi *peer-to-peer* untuk melaksanakan pembayaran di mana ianya tidak melalui perantaraan institusi (bank). Proses bitcoin perlu difahami secara mekanikal. Aliran matawang bitcoin di kalangan komuniti berlaku apabila wujud sekumpulan individu atau syarikat yang memiliki dan mentadbir sistem komputer terhadap jaringan bitcoin yang dikenali sebagai *miners* (pelombong). Sekumpulan *miners* ini wujud disebabkan oleh sistem bitcoin itu sendiri yang memerlukan *miners* untuk memperolehi kebolehpercayaan (*credibility*) di dalam sistem aliran bitcoin di samping memperolehi ganjaran dalam bentuk bitcoin melalui aktiviti perlombongan maya dan pengesahan pemindahan bitcoin daripada satu akaun ke akaun yang lain. Dalam erti kata lain, sekiranya *miners* tidak wujud, maka bitcoin juga tidak mampu bertahan dan tidak berfungsi sebagai aset yang bernilai.³

Bagi pemegang bitcoin, mereka mempunyai akaun yang boleh menyimpan bitcoin. Akaun yang dimiliki disebut sebagai *wallet* (dompet). Mereka tidak menggunakan perkataan akaun (*account*) kerana ianya eksklusif hanya untuk istilah perbankan. Maka, kebanyakan komuniti kripto akan menggunakan perkataan *wallet* sebagai tempat untuk menyimpan aset kripto mereka. Bitcoin boleh dipindahkan ke *wallet* yang lain tanpa perantaraan pihak bank. Ianya hanya memerlukan pengesahan daripada *miners* sebelum bitcoin dapat dipindahkan dengan jayanya.

Oleh yang demikian, bitcoin sangat memerlukan 2 pihak dalam memelihara ekosistemnya. Tanpa salah satu daripadanya maka bitcoin menjadi tidak relevan dan signifikan. Pihak yang terlibat ialah pihak yang memegang aset bitcoin dan menggunakannya sebagai alat pertukaran dalam jual beli, dan kedua ialah *miners* yang bertanggungjawab untuk membuat pengesahan pemindahan bitcoin dan aktiviti melombong bitcoin melalui mesin komputer.

2.0 Bitcoin sebagai matawang virtual


Matawang digital ialah sesuatu nilai yang mudah disimpan dan digunakan melalui komputer atau alat elektronik. Matawang digital terbahagi kepada dua bahagian iaitu (i) matawang elektronik, dan (ii) matawang virtual.

³ Untuk bacaan dan kefahaman lanjut boleh layari laman web yang memberi maklumat tentang bitcoin. Boleh layari <http://www.investopedia.com/>.

Matawang elektronik adalah merupakan matawang tradisional yang disimpan melalui bentuk digital seperti kad bank elektronik. Ianya boleh digunakan ketika membuat transaksi di semua premis jualan yang menyediakan perkhidmatan pembayaran menggunakan kad kredit atau debit. Ianya matawang yang dikawal dan berpusat (*centralized*) oleh pihak kerajaan atau bank pusat setiap negara kerana ianya disandarkan dengan matawang fiat yang dimiliki individu. Matawang ini boleh dicairkan melalui matawang tunai melalui mesin ATM.

Manakala matawang virtual didefinisikan sebagai matawang yang memiliki nilai ke atas dirinya sendiri. Kebanyakannya bersifat tidak berpusat (*decentralized*) dan tidak diiktiraf oleh kerajaan dan bank pusat Negara---sekurang-kurangnya hingga kini. Manakala menurut MIMOS (2017), sekurang-kurangnya terdapat tiga ciri-ciri matawang virtual ini iaitu (i) tidak dikawalselia oleh kerajaan, (ii) dikeluarkan dan dikawal oleh pembangunnya, dan (iii) diguna dan diterima oleh ahli-ahli kumpulan maya tertentu.

Manakala takrifan matawang maya (virtual) yang diberikan oleh European Central Bank (2012), takrifannya boleh berubah mengikut perubahan semasa. Bagaimana pun fungsi matawang tetap sekurang-kurangnya melengkapinya ciri-ciri berikut iaitu (i) mempunyai nilai (*a store of value*) dan boleh digunakan pada bila-bila masa, (ii) sebagai perantara pertukaran (*a medium of exchange*) untuk membuat pembayaran, dan (iii) sebagai satu unit akaun (*a unit of account*) untuk mengukur nilai sesuatu barangan atau perkhidmatan. Gambarajah 1 di bawah merupakan kategori kewangan alternatif yang wujud pada masa kini.



Gambarajah 1: Kategori kewangan alternatif masakini

3.0 Kelebihan bitcoin

Bitcoin dilihat sebagai matawang yang digemari untuk disimpan dan digunakan di kalangan komunitinya. Keyakinan mereka untuk menyimpan mungkin disebabkan oleh beberapa faktor kelebihan yang dimiliki bitcoin berbanding matawang lain seperti wang fiat. Antara kelebihan bitcoin yang boleh dirumuskan adalah seperti yang dibincangkan di bawah:

3.1 Bitcoin boleh dipindahkan sama ada menghantar atau menerima melalui internet.

Oleh kerana kategori bitcoin adalah matawang digital dan virtual, maka pengurusan untuk menghantar dan menerima bitcoin adalah melalui penggunaan internet dan online sahaja. Mereka boleh membuka *wallet* mereka di telefon pintar atau komputer dengan menggunakan aplikasi tertentu untuk melakukan transaksi di kalangan komuniti. Kaedah ini dilihat terlalu mudah dan mesra pengguna berbanding matawang fiat yang perlu dibawa jika ingin melakukan transaksi.

3.2 Bitcoin boleh diterima di seluruh dunia.

Bitcoin boleh dihantar dan diterima di seluruh dunia tanpa sempadan negara asalkan seseorang itu mempunyai *wallet* bitcoin. Malah tiada had kategori individu untuk memiliki bitcoin atau membuka *wallet* sendiri. Selain itu, jumlah bitcoin yang ingin dihantar atau diterima juga tiada had. Mereka boleh menghantar seberapa banyak jumlah bitcoin tanpa sempadan negara.

3.3 Transparen di samping menjaga privasi penyimpanan

Penyimpan bitcoin tidak dikenali kerana tiada maklumat peribadi diperlukan ketika membuka *wallet*. Oleh itu, setiap individu boleh membuka seberapa banyak *wallet* untuk dijadikan tempat simpanan bitcoin. Walaubagaiman pun, setiap transaksi yang berlaku di seluruh dunia akan dipaparkan di dalam sistem lejer terbuka (*open ledger system*). Justeru sistem ini mempunyai tahap transparen yang sangat tinggi kerana semua maklumat dan rekod transaksi tersimpan di dalam *open ledger system* ini.

3.4 Tahap kecairan yang tinggi

Bitcoin mempunyai tahap kecairan yang tinggi. Ini menjadikan faktor terkuat mengapa komuniti matawang kripto menyimpan bitcoin. Cara kebiasaan yang digunakan oleh penyimpan bitcoin untuk mencairkan assetnya ialah melalui jual beli biasa dengan komuniti yang lain. Harga boleh dirunding antara penjual dan pembeli dengan menggunakan harga semasa sebagai panduan. Selain itu, pemegang bitcoin boleh menggunakan Mastercard atau Visa yang dibangunkan oleh syarikat-syarikat di seluruh dunia untuk mencairkan bitcoin dengan mengeluarkan wang kertas di mana-mana mesin ATM di seluruh dunia.

3.5 Bitcoin sebagai asset dan penyimpanan nilai

Bitcoin telah masuk ke Malaysia sekitar tahun 2010 dan 2011 tetapi komunitinya amat kecil. Malah ianya hanya digunakan oleh beberapa individu sahaja. Hingga sekitar tahun 2014 hingga 2015 pengguna bitcoin sudah mula bertambah namun komunitinya masih lagi kecil jika dibandingkan dengan populasi di Malaysia.⁴ Jumlah pengguna bitcoin semakin meningkat apabila matawang ini semakin popular disebabkan harganya yang sentiasa meningkat. Kenaikan harga bitcoin yang mendadak serta boleh dianggap sebagai tidak munasabah menyebabkan orang ramai mula untuk menyimpan bitcoin sebagai asset. Tahun 2017 merupakan tahun yang paling tinggi mencatatkan jumlah pasaran modal matawang kripto sehingga menjadikan harga bitcoin mencatat sejarah mencapai harga tertinggi iaitu

⁴ Data ini diambil daripada hasil temubual dengan beberapa orang pemain industri matawang kripto yang berpengalaman.

sekitar USD 6000. Gambarajah 2 di bawah menunjukkan harga bitcoin daripada tahun 2009 hingga 2017.

TAHUN	HARGA (USD)
2009	none
2010	0.003-0.08
2011	1-31.00
2012	13.00
2013	100-1242
2014	340-1000
2015	200-504
2016	450-780
2017	1210-6000

Gambarajah 2: Tahun dan Harga Bitcoin 2009-2017⁵

4.0 Isu-Isu Syariah Terhadap Bitcoin

Terdapat keperluan unik umat Islam terhadap perkara halal dan haram di dalam urusan seharian mereka. Umat Islam umumnya sangat mengambil berat soal hukum yang berkaitan dengan perkara ibadah dan muamalat. Di dalam muamalat, Islam melarang keras aktiviti-aktiviti yang didasari riba, *gharar* (ketidakjelasan) dan *maisir* (perjudian). Selebihnya hukumnya adalah harus selagi tidak terdapat dalil yang mengharamkannya.

Dalam isu kewangan, keperluan kepada *fintech*⁶ (teknologi kewangan) telah menjadi satu keperluan masyarakat yang semakin kompleks cara hidupnya. *Fintech* dapat membantu masyarakat untuk melakukan aktiviti transaksi dengan lebih pantas, mudah dan berkesan. Antara *fintech* yang sedang hangat digunakan adalah teknologi *blockchain*. Bitcoin pula merupakan produk daripada *blockchain*. Namun apa yang berlaku, umat Islam khususnya mempersoalkan hukum disebalik penggunaan bitcoin kerana terdapat beberapa isu *gharar* terhadap matawang kripto ini.

Di bawah ini penulis akan melontarkan beberapa perbahasan hukum syarak yang berkaitan bitcoin dan kaitannya dengan harta dan matawang. Namun, seperti di awal penulisan, penulis tidak berhasrat untuk mencadangkan hukumnya memandangkan objektif kertas kerja ini adalah untuk membuat sorotan awal sebelum kajian lanjut dijalankan.

Isu 1: Adakah bitcoin itu wujud?

Persoalan asas ini perlu diambil kira bagi memastikan bahawa sesuatu itu wujud dan mampu memberikan nilainya. Dalam konteks bitcoin, perlu dipastikan adakah ianya wujud atau tidak. Seperti dalam satu kaedah fiqh yang menyatakan:

⁵ Jumlah harga diambil daripada harga terendah hingga tertinggi pada tahun tersebut.

⁶ Istimlah ini digunakan oleh institusi perbankan iaitu berkaitan dengan kewangan yang menggunakan teknologi terkini.

المجهول كالمعدوم

Sesuatu yang tidak diketahui itu seperti juga tidak wujud⁷.

Sebelum diterima bitcoin sebagai harta, adakah bitcoin sendiri itu wujud? Jika dilihat secara kasar, bitcoin adalah sesuatu yang tidak jelas, atau berlaku kesamaran dalam kewujudannya, dan tidak diketahui secara fizikalnya. Sifat virtual yang ada pada bitcoin tidak menjamin akan kesahihan serta diragui kewujudannya. Maka kaedah di atas mencadangkan apabila sesuatu itu tidak diketahui maka ianya dianggap seperti tidak wujud. Justeru, jika sesuatu itu tidak wujud maka ianya tidak boleh dikategorikan sebagai harta.

Isu 2: Adakah bitcoin boleh dianggap sebagai harta (*al-mal*)?

Dalam fiqh yang berkaitan harta, para ulama Hanafiyah berpandangan bahawa harta itu adalah sesuatu yang diinginkan manusia dan boleh disimpan untuk digunakan ketika waktu diperlukan (Suhendi, 2002). Namun harta tersebut tidak akan bernilai kecuali bila digunakannya menurut syarak.

Menurut Wahbah Zuhaili (1989), *al-mal* didefinisikan sebagai sesuatu yang dapat memberikan ketenangan, dan harta dimiliki oleh manusia dengan sesuatu usaha atau daya (*fi'il*), sama ada sesuatu itu wujud secara fizikal seperti harta, haiwan ternakan, tumbuh-tumbuhan, dan lain-lain. Atau pun berupa manfaat, seperti, kendaraan, atau pun tempat tinggal.

Mustafa al-Zarqa (1967) pula menyatakan bahawa sesuatu itu dikatakan harta (*al-mal*) jika memenuhi dua syarat, iaitu (i) sesuatu itu mesti wujud secara fizikal dan boleh disentuh, dan (ii) biasanya manusia akan berusaha untuk mendapatkannya, dan menjaganya supaya tidak diambil atau dimiliki oleh orang lain. Oleh itu harta seharusnya adalah alat untuk menyimpan nilai.

Jika diamati beberapa definisi *al-mal* di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa harta sekurang-kurangnya mesti memiliki ciri-ciri berikut iaitu (i) ianya secara semula jadi dikehendaki oleh manusia kerana ianya mempunyai nilai komersial, (ii) mampu untuk dimiliki, dan (iii) mampu untuk disimpan.

Para ulama juga telah mengkategorikan harta kepada harta yang boleh diambil manfaatnya seperti jual beli, hadiah, wasiat dan sebagainya atau disebut sebagai *al-mutaqawwim*. Manakala harta yang tidak boleh diambil manfaatnya dari sudut syarak seperti mengambil harta secara batil atau secara tidak jelas disebut sebagai *ghayr al-mutaqawwim* (Hassan, 1986)

Justeru jelas di sini, bahawa harta perlu sekurang-kurangnya mempunyai ciri-ciri seperti yang disebutkan di atas. Maka bitcoin perlu dilihat dalam konteks harta. Oleh itu, persoalan khusus yang boleh dibangkitkan berkenaan bitcoin ialah; (i) adakah bitcoin mempunyai nilai komersial sehingga dikehendaki oleh manusia secara semula jadi?, (ii) adakah bitcoin boleh dimiliki secara mutlak?, (iii) adakah bitcoin mempunyai kemampuan untuk disimpan dan

⁷ Dalam kitab Majmu', kaedah ini digunakan oleh Ibn Taimiyyah dalam permasalahan nikah seorang wanita yang tiada wali kerana tidak diketahui kewujudannya. Kaedah ini diperluaskan juga dalam permasalahan muamalat. Rujuk 'Abd al-Rahman Ibn Muhammad, *Majmu' Fatawa Sheikh al-Islam Ahmad Ibn Taimiyyah*, jil. 31, bab kitab al-waqf ila al-nikah, 2004.

dijamin keselamatan simpanannya? Maka jawapan daripada persoalan-persoalan ini akan menentukan sama ada ianya bersifat *mutaqawwim* atau *ghayr mutaqawwim*. Kajian secara teknikal harus dijalankan untuk mendapatkan jawapan daripada persoalan ini.

Isu 3: Adakah bitcoin sejenis matawang atau komoditi?

Persoalan ini mungkin memerlukan satu perbincangan dan perbahasan yang panjang. Ini adalah kerana matawang atau wang itu sendiri mempunyai perdebatan yang cukup luas di kalangan para ulama. Ini melihat kepada senario perdebatan antara golongan yang mengharamkan penggunaan matawang selain daripada emas dan perak atau dinar dan dirham, dan juga golongan yang memberi keharusan untuk menjadikan selain daripada emas dan perak sebagai matawang.⁸ Dalam penulisan ini, penulis akan mengambil kira pandangan yang yang kedua iaitu keharusan menjadikan selain emas dan perak sebagai matawang untuk memberi laluan perbahasan kepada hukum bitcoin sama ada ianya sejenis matawang atau komoditi.⁹

Dalam beberapa rujukan yang dilakukan, terdapat beberapa pendapat berkenaan bitcoin sama ada ianya sejenis matawang atau komoditi. Berikut beberapa institusi kewangan dunia yang memberikan pandangan terhadap bitcoin.

- Australian Taxation Office, German Federal Financial Supervisory Authority dan Brazillian Law berpandangan bahawa bitcoin ialah aset kewangan.
- The People's Bank of China bersama lima kementerian di China serta Internal Revenue Service (IRS) di Amerika berpandangan bitcoin ialah komoditi virtual atau barangan virtual.
- Bagaimana pun, US Anti-Money Laundering Agency (FinCEN- Financial Crimes Enforcement Network) dan Canadian Law berpandangan bitcoin ialah matawang virtual.
- Kerajaan Jepun berpandangan bitcoin ialah harta yang bernilai, tetapi bukan komoditi atau barangan.
- Menurut European Central Bank, matawang virtual tidak dianggap sebagai wang atau matawang secara legal, bahkan ia hanyalah mewakili nilai digital.
- Manakala menurut Islamic development Bank (IDB) Arab Saudi, mengatakan bahawa bitcoin boleh menjadi matawang kerana ianya mempunyai *intrinsic value* (nilai dalaman) melalui proses *proof of work* di dalam protocol bitcoin.

Beberapa sampel institusi yang telah diambil ini menunjukkan pandangan yang diberikan amat berbeza sama sekali. Ini disebabkan perbezaan perspektif mereka terhadap bitcoin itu sendiri.

Manakala di dalam kitab al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah (2007), matawang merujuk kepada sesuatu yang digunakan untuk pertukaran, sama ada ianya emas, perak, tembaga, kulit, kertas, atau apa sahaja, asalkan ianya diterima luas oleh orang kebiasaan dan

⁸ Perbincangan khusus berkenaan hukum penggunaan emas dan perak sebagai matawang dan hukum menggunakan wang fiat (kertas) boleh rujuk Salmy Edawati, et al. 2015. Dilema Emas dan Perak. Malaysia: UKM.

⁹ Terdapat beberapa dalil yang mengharuskan penggunaan matawang selain daripada emas dan perak. Antaranya, adalah melalui riwayat 'Umar al-Khattab. Riwayat itu menyebut bahawa 'Umar al-Khattab pernah berkata: "Aku ingin jadikan dirham ini dari kulit unta." Lalu dikatakan kepada beliau, "Kalau begitu nescaya akan tiada lagi unta selepas ini." Lalu beliau telah membatalkan cadangannya. Lihat al-Baladhuri, 1983.

masyarakat. Untuk memastikan kedudukan matawang, maka amat penting untuk matawang tersebut menjadi kegunaan umum atau uruf dalam penggunaannya. Sebahagian negara menganggap bitcoin adalah komoditi virtual, manakala sebahagian menganggap aset kewangan, dan sebahagian menganggap matawang virtual. Oleh yang demikian agak sukar untuk menentukan sama ada bitcoin ialah matawang atau komoditi jika disandarkan kepada uruf.

Sekiranya bitcoin diiktiraf sebagai matawang, maka ianya tertakluk kepada hukum syarak berdasarkan *al-mal al-ribawi* (harta ribawi). Ianya mesti mengikut hukum seperti *al-sarf* (pertukaran matawang) apabila ianya ditukar kepada emas, perak, wang fiat dan matawang kripto yang lain. Sekiranya pertukaran antara bitcoin dengan bitcoin, maka wajib ke atasnya mengikut jumlah yang sama. Manakala kedua-dua belah pihak pula mesti memiliki atau memegang bitcoin sebelum berlaku pemisahan, sama ada pemilikan atau pegangan itu dalam bentuk fizikal atau manfaat. Selain itu, tidak dibenarkan membuat syarat untuk penangguhan bayaran atau penghantaran (*delivery*) dalam kontrak jual beli bitcoin. Ianya hendaklah dilakukan secara serentak untuk mengelakkan daripada berlakunya riba. Oleh kerana matawang juga tertakluk kepada harta yang wajib untuk dikeluarkan zakat, maka bitcoin juga wajib untuk dikeluarkan zakat. Ianya juga tertakluk kepada syarat-syarat wajib zakat seperti mana yang berlaku kepada harta-harta zakat yang lain. Maka hukum-hukum di atas tidak akan terpakai sekiranya bitcoin tergolong dalam kategori komoditi¹⁰.

Isu 4: adakah bitcoin terdedah kepada *gharar*?

Di dalam al-Mu'jam al-Wasit (2011), makna *gharar* adalah *khathr* atau pun pertaruhan. Ibnu Taimiyyah menyatakan, *gharar* adalah sesuatu yang tidak jelas hasilnya (*majhul al-'aqibah*). Manakala menurut al-Sa'di (1992), *gharar* adalah *mukhatharah* (pertaruhan) dan *jahalal* (ketidakjelasan). Ianya boleh dikategorikan sebagai perjudian.

Bagi permasalahan bitcoin, keraguan yang berlaku akan menyebabkan penggunaannya bertentangan dengan hukum syarak. Ini dijelaskan oleh Joni Tamkin, et al (2009), *gharar* adalah sesuatu yang tidak pasti dan menimbulkan keraguan, sama dengan masalah riba yang terang-terangan telah diharamkan oleh Allah SWT. Sekiranya sistem kewangan hari ini tidak dapat lari daripada unsur *gharar* dan riba, maka ia adalah sistem yang tidak selaras dengan tuntutan syarak.

Dalam konteks bitcoin, *gharar* atau keraguan itu berlaku melalui dua keadaan. Keadaan yang pertama ialah dari sudut fizikal bitcoin. Keadaan yang kedua ialah kesan daripada kewujudan bitcoin itu sendiri. Bagi keadaan yang pertama, persoalan ini boleh dibahaskan dan diperhalusi melalui isu yang pertama, kedua dan ketiga. Manakala keadaan yang kedua ialah kesan kewujudan bitcoin yang kebarangkaliannya boleh membawa kepada mudarat melebihi manfaat. Dalam kaedah fiqh yang berbunyi:

دَرَرُ الْمَفَاسِدِ أَوْيُّ مِنْ جَلْبِ الْمَصَالِحِ

“Membuang kerosakan lebih utama daripada mendapatkan kebaikan”.¹¹

¹⁰ Komoditi adalah merupakan barangan yang mempunyai nilai tertentu dan boleh ditukarkan (interchangeable), bebas untuk dijual dan dibeli, dan sebagai barangan dagangan. Komoditi kebiasaannya termasuk barangan pertanian, minyak dan gas, dan juga bahan logam. (businessdictionary.com)

¹¹ Al-Suyuti, 87, al-Subki, 1:105, Ibn Nujaym, 1:99, al-Wansharisi, 89.

Berdasarkan kepada kaedah fiqh tersebut, jika sesuatu itu mempunyai atau boleh membawa kepada kerosakan dan kebaikan dalam masa yang sama, maka lebih baik perkara itu tidak dilakukan.¹² Di sebalik kebaikan yang ada pada bitcoin, terdapat juga perkara yang mungkin boleh membawa kepada keburukan atau kerosakan. Antara isu-isu yang boleh dibangkitkan adalah seperti analisis di bawah:

- Tidak boleh dijejaki dan privasi. Berdasarkan kepada privasi yang tinggi, maka kebarangkalian boleh berlakunya transaksi di pasaran gelap, cuci wang (*money laundering*), korupsi, aktiviti yang menyalahi undang-undang dan mengelak cukai.
- Tiada peraturan dan undang-undang. Oleh kerana tiada regulator yang mengawal bitcoin, maka timbul isu jaminan survival, likuiditi dan universaliti.
- Risiko keselamatan. Pertukaran bitcoin dilakukan secara digital sepenuhnya. Kemungkinan ianya boleh terdedah kepada risiko penggodaman, malware dan virus.
- Risiko penipuan. Kewujudan bitcoin menambahkan lagi bilangan aktiviti penipuan kewangan seperti scam, skim Ponzi, pyramid dan sebagainya yang dikaitkan dengan bitcoin disebabkan kurangnya pengetahuan dan kefahaman di kalangan orang ramai.
- Risiko pasaran. Nilai harga bitcoin dilihat terlalu tinggi tahap volitalitinya walaupun dalam tempoh masa yang singkat. Ini mendedahkan risiko kepada penyimpan yang berniat untuk membuat pelaburan atau keuntungan melalui bitcoin.
- Risiko sistem. Skalabiliti merupakan isu terbesar dalam sistem bitcoin. Ianya fokus kepada penambahan jumlah transaksi di dalam sistemnya sama ada melalui penambahan kelajuan proses pengesahan atau menambah saiz blok di bitcoin. Dalam sistem bitcoin, keputusan berkaitan dengan penambahbaikan adalah melalui persetujuan di kalangan pelombong bitcoin. Sekiranya terdapat pelombong yang tidak bersetuju tentang isu skalabiliti maka akan berlaku masalah perpecahan daripada bitcoin.¹³
- Tiada jaminan daripada kerajaan. Penciptaan bitcoin adalah bermatlamatkan untuk membelakangi sistem perbankan pada masa kini. Oleh itu, tiada sesiapa yang dapat menjamin bitcoin sekiranya berlaku perkara seperti kehilangan, kecurian dan sebagainya.
- Berpusat (*centralized*) vs tidak berpusat (*decentralized*). Tidak dapat dipastikan apakah kesan terhadap ekonomi global dan sosial sekiranya sistem kewangan dunia diubah kepada matawang digital tidak berpusat. Ini memerlukan penelitian dan kajian yang rapi untuk memastikan kesannya sama ada membawa kepada kerosakan atau kebaikan kepada manusia sejagat.

Isu 5: bolehkah bitcoin menjadi *fulus*?

Fulus merupakan salah satu bentuk wang yang wujud dalam sejarah ketamadunan Islam. *Fulus* ialah satu bentuk matawang yang bukan daripada emas dan perak tetapi daripada tembaga. Pada awal zaman Umawi dan Mamluk, matawang *fulus* ini telah digunakan secara meluas. Mengikut kajian, *fulus* ini diciptakan untuk membeli barangan yang kecil nilainya kerana kesukaran menggunakan dinar dan dirham yang agak tinggi nilainya.

¹² Ini berdasarkan kepada hadis Nabi SAW لا ضرار ولا ضرار الذي يزيل الضرر.

¹³ Dalam sejarah bitcoin, telah berlaku 2 kali perpecahan (*split*) yang mewujudkan matawang kripto yang baru iaitu bitcoin cash (Ogos 2017) dan bitcoin gold (Oktober 2017).

Kesahan kepada penggunaan *fulus* ini adalah merujuk kepada sumber hukum 'urf. Walaupun 'urf bukan sumber yang berasaskan nas akan tetapi sumbernya masih kuat mengikut syarat-syarat yang ditentukan.¹⁴ Mengikut sejarah, *fulus* berfungsi sebagai wang bantu kepada nilai matawang dinar dan dirham. Apabila peredaran dinar dan dirham berkurangan, *fulus* telah menguasai pasaran, dan para ulama menetapkan hukumnya sama dengan emas dan perak kerana secara 'urfnya, matawang *fulus* ini telah diterima sebagai matawang dan mempunyai nilai harga berdasarkan penerimaan pasaran (Hassan, 1999).

Berdasarkan kepada peranan *fulus* yang wujud, maka isu bitcoin ini boleh dibahaskan mengikut ciri-ciri *fulus*. Di sini, *fulus* mungkin boleh dijadikan kayu ukur kepada kesahan penggunaan bitcoin di dalam masyarakat kerana hajat yang diperlukan dalam penggunaannya. Maka kajian lanjut harus dijalankan untuk menemukan suatu jawapan kepada persoalan ini.

KESIMPULAN

Isu bitcoin yang masih belum dapat difahami dan dikuasai secara jelas menyebabkan terlalu banyak andaian berkenaan dengan hukum penggunaannya. Menurut pandangan penulis, untuk memahami bitcoin, maka kajian yang berkaitan dengan teknologi secara keseluruhannya hendaklah dilaksanakan. Seperti mana kajian-kajian hukum yang lain seperti hukum pemindahan organ atau hukum teknologi makanan genetik, maka ahli fiqh atau mujtahid harus mendapatkan kefahaman daripada ahli dari bidang perubatan dan pakar pemakanan sebelum melakukan sesuatu ijtihad hukumnya. Isu bitcoin juga harus diselesaikan dengan cara yang sama iaitu keperluan kepada kajian bersama mereka yang pakar dalam bidang teknologi (terutamanya jurutera komputer atau *software*) agar mendapat kefahaman yang jelas berkenaan dengan teknologi berkenaan sebelum membuat sebarang ijtihad. Ini adalah penting kerana teknologi kewangan dilihat semakin berkembang dan terus mempengaruhi kehidupan dan gaya hidup manusia pada masa hadapan. Di dalam penulisan ini, penulis hanya memberikan fokus kepada permasalahan kajian dan beberapa persoalan hukum yang boleh dibangkitkan untuk diselesaikan dalam kajian yang mendatang. Justeru, diharap kajian rintis ini akan dapat membuka ruang perbincangan yang lebih besar dan menyelesaikan isu-isu syariah berkaitan bitcoin khususnya dan matawang krito umumnya.

RUJUKAN

Website

Businessdictionary.com

Coincap.io

Investopedia.com

Buku dan Jurnal

'Abd al-Rahman Ibn Muhammad. 2004. *Majmu' Fatawa Sheikh al-Islam Ahmad Ibn Taimiyyah*, jil. 31, bab kitab al-waqf ila al-nikah.

Abdurrahman bin Nashir al-Sa'di. 1992. *Bahjah Qulub al-Abrar wa Qurratu Uyuni al-Akhyar fi Syarhi Jawami al-Akhbar*. Dar al-Jail.

Al-Baladhuri, Ahmad bin yahya bin Jabir. 1983. *Futuh al-Buldan*. Beirut: Dar al-Kutub al-'ilmiyyah.

¹⁴ Syarat penggunaan 'urf ialah (i) 'urf tidak berlawanan dengan syarak, (ii) 'urf telah diamalkan oleh masyarakat secara menyeluruh dan meluas, dan (iii) 'urf atau adat yang akan dirujuk dalam satu-satu tindakan itu sudah ada ketika tindakan tersebut hendak dilakukan.

- al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. 2007.
- Andreas M. Antonopoulos, 2015, *Mastering Bitcoin*.
- European Central Bank. 2012. *Virtual currency Scheme*.
- Hassan, AHH. 1986. *Sales and Contracts in Early Islamic Commercial Law*. Edinburgh.
- Hassan, Ahmad. 1999. *al-Awraq al-Naqdiyyah al-Iqtisadi al-Islami: Qimmatuha wa Ahkamuha*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Ibn Taimiyyah. t.t. *Majmu' al-Fatawa*. Pustaka Azzam.
- Jalaluddin, 'Abd al-rahman al-Suyuti. 1997. *al-Asbah wa al-Nazair*. Arab Saudi: Maktabah Nazzar al-Baz.
- Joni Tamkin Borhan dan Mohd Ridhwan Abd. Aziz. 2009. *International business transaction from the Islamic Economics Perspective*. Jurnal Teknologi, 50(E) Jun: 87-99.
- Margaret Rouse. 2017. *Bitcoin*.
- Mustafa Ahmad Zarqa. 1967. *al-Madkhal al-Fiqh al-'Am*. Beirut: Dar al-fikr.
- Pedro Franco. 2016. *Understanding Bitcoin*.
- Salmy Edawati, Sanep Ahmad dan Wan Kamal Mujani. 2015. *Dilema Dinar Emas*. Malaysia: UKM.
- Shauqi Dhaif. 2011. *al-Mu'jam al-Wasit*. Mesir: Maktabah Shurouq al-Dauliyyah.
- Suhendi, Hendri. 2002. *Fiqh Muamalah*. Jakarta : PT Raja Grafindo Persada.
- Wahbah al-zuhaili. 1989. *Fiqh al-Islam wa Adillatuhu*. Beirut: dar al-fikr.